

# Pertandingan Debat Pertanian Piala Dekan UMS 2015 Dapat Sambutan Menggalakkan



**Oleh Nur Sabatiah Tamring &  
Norzatul Bardah Sabaruddin**

Sandakan, 27 April – Pertandingan Debat Pertanian Piala Dekan 2015 UMS telah diadakan selama tiga hari iaitu dari 25 April sehingga 27 April 2015 bertempat di Fakulti Pertanian Lestari UMS Kampus Sandakan.

Pertandingan debat pertanian merupakan anjuran Kelab Debat Bahasa Melayu, UMS dengan kerjasama Kelab Myagrosis Fakulti Pertanian Lestari UMS Kampus Sandakan.

**Mohd Shamyizan Fitri, 22, pelajar  
Diploma Pentadbiran Awam Uitm  
Sarawak.**

Seramai 24 kumpulan yang mengambil bahagian dalam pertandingan debat kali ini. Para peserta merupakan pelajar daripada universiti tempatan iaitu UMS kampus Kota Kinabalu dan kampus Sandakan, UITM Sarawak, UPM Bintulu dan juga pelajar sekolah menengah.

Penganjuran kali kedua ini telah dirasmikan oleh Dekan Fakulti Pertanian Lestari UMS kampus Sandakan iaitu Prof. Dr. Wan Mohamad Wan Othman.

Menurut Prof. Dr. Wan Mohamad Wan Othman dalam ucapannya, tema pertandingan debat pertanian pada kali ini bertajuk ‘Generasi Muda Pemangkin Kelestarian Pertanian Negara’.

“Tujuan pemilihan tema tersebut adalah untuk menjadikan generasi muda sebagai peneraju pertanian Negara. Hal ini kerana generasi muda merupakan pelapis yang bakal menggerakkan hala tuju dan masa depan negara dalam bidang pertanian,” katanya lagi.

Beliau berharap dengan penglibatan peserta yang semakin bertambah dapat mempromosi Fakulti Pertanian Lestari yang berada di Sandakan ini.

Selain itu, menurut Mohd Shamyizan Fitri, 22, beliau berterima kasih dan bersyukur kerana perkhidmatan yang disediakan oleh pihak penganjur adalah yang terbaik.

“Mereka jemput kami dari lapangan terbang, sediakan kolej kediaman yang baik, layanan yang baik dan bilik sidang yang selesa,” kata pelajar Diploma Pentadbiran Awam, Uitm Sarawak ini.

Diminta untuk mengulas berkenaan perjalanan pertandingan debat ini, Shamyizan tidak menolak bahawa setiap program atau pertandingan memang ada kesilapan dari segi teknikal dan sebagainya. Namun, beliau cadangkan agar di masa akan datang pihak penganjur boleh melakukan penambahbaikan dari segi atur cara program, taklimat dan syarat pertandingan yang bersifat lebih formal. Beliau turut menegaskan agar pihak penganjur dan peserta lebih memberi perhatian terhadap pengurusan masa masing-masing.

Malah pertandingan debat kali ini memberi banyak maklumat berkaitan bidang pertanian yang cukup menarik dan tidak pernah diketahuinya, ujarnya sebelum sesi temubual berakhir.